

## Siasat aduan pengguna tertipu

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedia menyiasat aduan pengguna yang merasa tertipu dengan pembelian kereta import terpakai atau record terutama dari Jepun yang dijual pengedar di negara ini.

Pengarah Bahagian Pengawalkuasaan KPDNHEP Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, siasatan boleh dijalankan berdasarkan apa yang mempengaruhi individu berkenaan untuk membeli kenderaan terbabit.

"Contoh, pengedar kenderaan mengiklankan kenderaan mereka tidak pernah terbabit kemalangan atau tidak mengubah meter perbatuan (*mileage*).

"Namun selepas diperiksa, didapati kereta yang dibeli itu pernah terbabit kemalangan dan iklan itu dianggap menipu pelanggan," katanya semalam.

Iskandar berkata, pengguna yang merasa terpedaya

dengan perkara terbabit boleh membuat aduan kepada KPDNHEP.

"Iklan yang tidak tepat dan mengelirukan itu adalah pernyataan palsu dan KPDNHEP boleh mengambil tindakan mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 dan Seksyen 16 akta sama."

"Selain itu, siasatan juga boleh dibuka mengikut Seksyen 17 Akta Perihal Dagangan 2011 dan Seksyen 18 akta sama," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan bekerjasama dengan ejen kenderaan berkenaan di Jepun jika ada keperluan dalam siasatan penipuan terbabit.

"Penipuan sebegini bukan hanya berlaku terhadap kenderaan malah produk lain juga," katanya.

Kelmarin, Harian Metro dalam laporan eksklusifnya mendedahkan penipuan kereta import terpakai atau record terutama kenderaan pelbagai guna (MPV) dari Jepun dikesan ada yang pernah terbabit kemalangan di



**“**  
Iklan yang tidak tepat  
dan mengelirukan.  
adalah pernyataan palsu”

*Iskandar Halim Sulaiman*

negara asal sebelum dibaik pulih seterusnya dijual pada harga kenderaan baharu di Malaysia.

Kebanyakan kereta yang

terbabit kemalangan ini dilelong pada majlis lelongan di Jepun dan dibida pada harga kurang 1.5 juta Yen atau RM57,000 sebelum dijual di negara ini hingga mencapai RM210,000.

Penipuan dalam industri penjualan kendaraan import terpakai itu didedahkan pengurus jualan sebuah syarikat pengedar kenderaan record dari Jepun, Shahru Nizam, 40-an.

Shahru yang lebih 20 tahun berpengalaman dalam industri itu dilaporkan berkata, bagi kenderaan gred 4.5 dan 5 model sama, ia lazimnya dijual pada harga sekitar RM220,000 di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, ramai pelanggan tertipu kerana menyangka kenderaan record yang dibeli dalam keadaan baik seperti dinyatakan penjual tanpa menyedari mereka terbeli kenderaan gred R selain gred 1 hingga 4 atau lebih teruk kenderaan gred X yang mengalami kemalangan serius.